**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**
**BERITA PERIKANAN HARI INI**

**8 Jul 2021**
**28 Zulkaedah 1442h**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | • Penternak ikan patin mengeluh,pasaran kritikal |
| **Berita Harian** | |
| **Harian Metro** | • Lubuk popular mencandat sotong |
| **Kosmo !** | |
| **Sinar Harian** | |
| **The Star** | |
| **New Straits Time** | |
| **Nanyang Siang Pau** | |
| **Malaysia Gazette** | |
| **Harakah** | |
| **Malaysia Dateline** | |
| **Bernama** | |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | |
| **Guan Ming Daily** | |
| **Sin Chew Daily** | |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *UTUSAN MALAYSIA* | | *KOSMO !* | | *THE STAR* | | *NANYANG SIANG PAU* | | 38 | 08/07/2021 |
| *BERITA HARIAN* | | *SINAR HARIAN* | | *THE SUN* | | *ORIENTAL DAILY* | | | |
| *HARIAN METRO* | / | *NEW STRAITS TIMES* | | *THE MALAY MAIL* | | *PELBAGAI* ……………………………… | | | |
| *KATEGORI LIPUTAN :* | *POSITIF* | | *NEGATIF* | | *NEUTRAL* | | | | |







# LUBUK POPULAR MENCANDAT SOTONG

## Sekitar Pulau Tioman, Pahang tawar pengalaman menarik bagi komuniti pemancing dan pencandat tegar

**Oleh Nurul Husna Mahmud**
nurul_husna@hmetro.com.my

**Masuk** saja pertengahan tahun iaitu bermula April sehinggalah kemuncaknya Ogos, ia menandakan bermulanya musim mencandat sotong.

Kebiasaannya sebelah pantai timur seperti Pulau Kapas, Marang, Pulau Kambing, Kuala Terengganu, Pulau Chepu, Setiu dan beberapa lubuk mencandat menjadi perhatian peminat aktiviti itu di Terengganu.

Antara keseronokan di sebalik aktiviti ini menurut kebanyakan pencandat tegar ialah apabila umpan tiruan berjaya 'dipagut' sotong.

Apatah lagi tidak kisah jika perlu bermalam di tengah laut mahupun mengharung 'mabuk' laut apabila sesetengah pencandat 'alah' dengan ayunan ombak sepanjang bot berlabuh di lubuk sotong.

Bagaimanapun, cabaran untuk tahun ini apabila peminat aktiviti mencandat terpaksa akur dengan sekatan terhadap aktiviti berkenaan akibat pandemik Covid-19.

Dalam mengubati kerinduan penggemar aktiviti terbabit, penulis ingin kongsikan tarikan lokasi lain bagi aktiviti mencandat sotong di Kuala Rompin atau paling tepat sekitar Pulau Tioman, Pahang.

Rupanya selain aktiviti skuba dan 'snorkeling', pulau yang pernah dinobatkan antara tercantik di dunia suatu ketika dahulu turut menjadi lubuk bagi aktiviti mencandat sotong.

Hal itu dikongsikan Pengemudi Bot Mat Rompin Boat Charter, Mohd Khairul Nizam Abdul Rahim, yang mempunyai pengalaman lebih 14 tahun membawa penggiat aktiviti memancing laut dalam termasuklah mencandat di destinasi berkenaan.

Kata Mohd Khairul Nizam yang lebih mesra dengan panggilan Mat Rompin, dalam kalangan komuniti pemancing dan pencandat tegar, Pulau Tioman turut menawarkan pengalaman yang menarik bagi peminat aktiviti itu.

"Pulau Tioman antara pulau percutian yang terkenal bagi penggemar aktiviti pulau dan pantai. Panorama laut yang jernih dan hijau selain batu karang menjadi tarikan penyelam skuba selain terdapat sekelompok pengunjung yang mempunyai misi lain.

"Bagi mereka yang bergelar kaki pancing atau sukakan aktiviti mencandat sotong, terdapat lebih lima lubuk yang dikatakan memberi kepuasan.

"Biasanya mereka akan mula datang sekitar Mei sehinggalah November kerana tempoh itu adalah musim mencandat. Kebanyakan yang datang dalam kumpulan dengan kapasiti lapan orang," katanya yang mempunyai dua pembantu.

Mengenai kelebihan atau ikhtiar pihaknya dalam memastikan setiap pencandat memperoleh hasil lumayan, kata Mohd Khairul, situasi itu bergantung kepada inisiatif pengusaha bot itu sendiri.

"Selain menggunakan umpan tiruan atau alat candat yang digemari sotong di perairan itu, saya menggunakan dua lampu ditempah khas berwarna hijau dengan 6,000 kilowatt bagi menarik kumpulan sotong berkumpul.

"Sotong ini saya umpamakan seperti lalat. Lalat akan tertarik dengan bau bangkai yang paling kuat sementara sotong akan tertarik untuk dekat dengan bot yang mempunyai lampu paling terang," katanya.

Menjelaskan perjalanan ke lokasi mencandat pula, katanya, kebiasaan peminat aktiviti itu akan berkumpul di jeti Sungai Puteri, Kuala Rompin.

"Biasanya mereka yang mencandat akan memulakan perjalanan jam 3 petang dan tiba di lokasi lubuk sekitar jam 5 atau 6 petang.

"Pengusaha bot akan mula lakukan persiapan termasuk memasang lampu dan juga siapkan alat mencandat. Terpulang kepada mereka sama ada untuk mula candat petang atau malam dan kebiasaannya kami pulang pada jam 7 pagi," katanya.

Menjelaskan situasi semasa mengenai aktiviti mencandat ketika ini, kata Mohd Khairul Nizam, ketika ini mencandat hanya dihadkan kepada pengusaha bot sebagai kegiatan sara hidup berbanding rekreasi.

"Sebelum ini kebanyakan yang mencandat adalah 70 peratus warga Singapura tetapi tahun lalu yang datang hanyalah pelancong tempatan. Pada tahun ini saya menjangkakan tiada kumpulan pencandat dapat dibawa bagi aktiviti rekreasi.

"Sebagai pengusaha bot yang bergantung penuh dengan hasil sewaan bot, saya terpaksa mencandat sotong dan menangkap ikan untuk 'survival' atau jana pendapatan yang terjejas," katanya.

Bagi sekali perjalanan mencandat, kata Mohd Khairul Nizam, dengan kapasiti lapan pencandat boleh meraih hasil sehingga 400 kilogram satu malam.

"Selain Pulau Tioman, tidak jauh terdapat Pulau Seri Buat terletak sejam perjalanan dari jeti Kuala Rompin atau Pulau Tioman. Di sini juga terdapat lebih empat lubuk untuk mencandat.

"Perairan mencandat di perairan Pulau Tioman atau Kuala Rompin tidak sesibuk sebelah perairan Terengganu.

"Selain itu pengusaha tempatan di sini mempunyai lesen dan insurans dengan Jabatan Laut bagi memastikan keselamatan pengunjung yang melakukan aktiviti mencandat," katanya turut berkongsi aktiviti itu menerusi Facebook dan YouTube.

FOTO IHSAN MOHD KHAIRUL NIZAM ABDUL RAHIM

TIOMAN bukan sahaja sebagai lokasi untuk skuba dan snorkeling malah menarik peminat aktiviti candat sotong.

KAWASAN jeti Sungai Puteri biasanya menjadi tempat 'naik dan turun' pencandat sotong.

TERUJA apabila sotong melekat pada alat mencandat.

BOT lampu hijau terang penting bagi mengumpan kumpulan sotong.

HASIL boleh mencecah 400 kilogram bagi satu malam dengan lapan pencandat.

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | / | KOSMO ! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | 28 | 08/07/2021 |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI ……………………………… | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : | POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | |

# Penternak ikan patin mengeluh, pasaran kritikal

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my



**MOHAMAD FIKRI Abdul Rahman (kanan) bersama seorang pengusaha menunjukkan ikan patin yang tidak laku di Kampung Paya Kecil, Temerloh, Pahang, baru-baru ini. - HARIS FADILAH AHMAD.**

**TEMERLOH:** Pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Semantan di sini menanggung kerugian ekoran permintaan yang rendah sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berikutan pelbagai sekatan dalam tempoh itu menyebabkan permintaan terhadap ikan sungai terutama ikan patin yang menjadi kegemaran penduduk tempatan dan luar tiada sambutan.

Berikutan kekurangan pelanggan, pengusaha kedai makan di bandar Temerloh juga terpaksa mengehadkan jualan masakan asam tempoyak ikan patin yang sebelum ini cukup dikenali serta laris dalam kalangan pelanggan tempatan dan luar.

Kesemua pengusaha merungut kerana kesukaran untuk menghantar ikan ke pasaran luar daerah atau negeri lain dalam tempoh penguat kuasaan PKP ini.

Pengusaha ternakan sangkar Kampung Paya Kecil, Mohamad Fikri Abdul Rahman, 30, berkata, kemungkinan akan berlaku lambakan ikan ternakan di Sungai Semantan dan Sungai Pahang berikutan tiada permintaan dan peluang dipasarkan ke luar.

"Kira-kira 10 tan ikan patin di sangkar milik saya belum mendapat pasaran dan sekiranya masih lagi tidak dijual minggu ini menyebabkan saya menanggung kerugian kerana terpaksa membelanjakan makanan untuk melanjutkan hayat ikan ini.

"Mulai PKP Mac tahun lalu, pengusaha di sini tidaklah berdepan tekanan pasaran seteruk ini malahan masih ada pemborong dan pelanggan walaupun pasarannya mula nampak perlahan," katanya di Kampung Paya Kecil dekat sini kelmarin.

Rakannya, Norzainal Faridan Zainal Abidin, 30, berkata, sebelum ini ikan patin boleh laku kira-kira 100 kilogram (kg) sehari berbanding apabila sejak bermulanya PKP cuma 10 kg mampu dipasarkan malahan tidak berbaloi menampung belanja membeli makanan ikan yang harganya terus meningkat.

"Kami hanya bergantung kepada pesanan pelanggan tempatan yang dipasarkan secara bayar masa penyerahan (COD) tetapi dalam kuantiti yang amat sedikit dan langsung tidak pulang modal belanja pengurusan ternakan ini.

"Kita berharap kerajaan membantu masalah kami pengusaha ikan sangkar di sini dengan memberi kelonggaran atau kemudahan menghantar ikan patin ke negeri lain seperti yang dilakukan sebelum ini," ujarnya.